



KERTAS KERJA SEMINAR ANTARABANGSA DAN FESTIVAL P RAMLEE 2025

Pengenalan Biodata

Saya Awang Abu Bakar Bin Lani
seorang pengiat seni lahir di
Negara Brunei Darussalam pada 05
Febuary 1953 dan telah berkecimpung
dalam dunia seni hiburan dari kecil
ke zaman remaja hingga sekarang.

Penglibatan serta penganjuran
sepenuh nya dalam dunia karya P
Ramlee bermula setelah saya
menamatkan kerjaya didalam Pasokan
Polis DiRaja Brunei Tahun 1994.

Sebagai Pengerusi dan peneraju
KPPRN Brunei sejak 2014 sehingga
sekarang dan terus aktif
memperjuangkan seni dan warisan
peninggalan Seniman Agong
Alahyarham Tan Sri P Ramlee dengan
segenap cara dan usaha meskipun
menghadapi bermacam halangan dan
rintangan.

PENDAHULUAN

Kertas kerja ini merupakan
Seminar Antarabangsa Dan Festival
P Ramlee 2025
yang dikelola oleh Kelab
Peminat P Ramlee Pulau Pinang.

TUJUAN

Untuk berkongsi pengalaman sambil
mengkaji serta menganalisis
tentang filem filem P Ramlee
sama ada karya cipta atau
lakonan nya.

PERANAN DAN PEMBENTANGAN

Alhamdulillah saya mewakili
sahabat
sahabat di Brunei Darussalam
akan menyampaikan dua buah kertas
kerja berdasarkan filem Tiga Abdul
dan Musang Bejanggut.

KERTAS KERJA PERTAMA TIGA ABDUL

***Pakai Kerita Ku Jual Dudul
Dudul Dibuat Dicampur Gula
Buka Cerita Tiga Abdul
Dalam Negeri Isketambola***

***Pulau Pinang Pulau Mutiara
Tempat Orang Mencari Makan
Sebelum Saya Meneruskan Bicara
Salah Silap Harap Maafkan***

***Assalamualaikum Wahrahmatullahi Wabarkatuh Dan Salam
Sejahtera.***

Tiga Abdul merupakan sebuah filem komedi Melayu hitam putih arahan P Ramlee yang diterbitkan di Singapura. Mula ditayangkan pada 22 April 1964. Sebagai Pengarah Penulis Lakon Layar melakonkan serta mencipta music oleh P Ramlee dan penolong

Pengarah nya S Sudarmaji.

Filem Tiga Abdul ini di Bintang oleh Bintang Bintang

Utama Haji Mahadi S Kadarisman P Ramlee sendiri

Mariani Dayang Sofia dan Sarimah.

Awal cerita P Ramlee memberikan nama sebuah
Negara Isketambola, dimana terdapat seorang
hartawan yang sangat kaya iaitu Ismet Ulam Raja [

M Babjan]. Ismet Ulam Raja mempunyai tiga orang

anak lelaki iaitu Abdul Wahab [Haji Mahadi] Abdul

Wahib [S Kadarisman] dan Abdul Wahub [P

Ramlee].

Kehidupan mereka tiga beradik ini sering

bertengkar sesama sendiri kerana adik bongsu

mereka Abdul Wahub selalu tidak sependapat

dengan abang abang nya. Mereka bertiga ini masing-masing mempunyai perniagaan yang mana

Abdul Wahab mempunyai kedai menjual Burung, Abdul Wahib pula mempunyai kedai ukir manakala

Abdul Wahub pula mempunyai kedai alat-alat musik.

Pertengkaran tiga beradik ini semakin menjadi-jadi sewaktu mereka berada di dalam bilik yang mana ayahnda mereka sedang sakit diserang penyakit jantung sewaktu menyambut ulang tahun kelahiran

ke 71 tahun. Ini terjadi semasa Abdul Wahib bertanya kepada ayahanda nya tentang siapa yang

bakal mewaris harta-harta ayahnya dengan disokong oleh abangnya Abdul Wahab, Abdul Wahub pun merasa marah dan kecewa kerana tindakan abang-abang nya itu terlalu biadab terhadap ayah mereka. Ketiga-tiga mereka terus bertengkar sehingga ayahnda mereka sendiri memarahi dan menghalau mereka, namun ayah mereka kembali diserang penyakit jantung lalu akhirnya meninggal dunia.

[Ulasan moral keperibadian adab kesopanan]
[Dalam pembentangan]

Setelah ayahnda mereka meninggal dunia Abdul Wahab dan Abdul Wahib mula bersikap tamak dengan membolot semua harta peninggalan ayah

mereka. Manakala Abdul Wahub hanya diberikan rumah ayahnda nya. Abdul Wahub berpendapat bahawa cara abang tua nya membahagikan harta-harta ayah mereka dengan tidak adil dan hanya menyebelahi abang-abang nya. Mereka pun memberi alasan yang Abdul Wahub cuba memaksa arwah ayah mereka untuk berpindah ke hospital untuk rawatan sedangkan ayah mereka tidak mahu sehinggalah ayah mereka meninggal.

[Ulasan kerakusan tamak dan tidak adil]

Abdul Wahab bertindak balas untuk memberhentikan khadam dirumah ayahnya, namun

Abdul Wahub member keizinan kepada khadam itu untuk terus tinggal di rumah tersebut dan berjanji akan pulang kerumah itu dengan kemenangan yang mutlak. Setelah itu abang-abang Abdul Wahub berpuas hati dengan tindakan mereka yang berat sebelah dan mengetahui yang Abdul Wahub tidak boleh mendakwa mereka ke mahkamah kerana ayah mereka tidak pernah menulis sebarang surat mahupun wasiat.

[Ulasan bertimbang rasa perihatin dan dendam]

Sementara itu, Sadiq Segaraga [Ahmad Nisfu] seorang saudagar barang-barang purba dan mempunyai seorang penasihat Kassim Patalon [

Salleh Kamil] Mengetahui bahawa harta-harta
Ismet Ulam Raja telah diwariskan kepada anak-anak
lelaki nya kemudian berhasrat untuk membolot
semua harta tersebut bagi menyelamatkan
perniagaan nya yang semakin hari semakin merosot
dan ini adalah diatas nasehat oleh Kassim Patalon.
Maka Sadiq Segaraga kemudian mengarahkan tiga
anak perempuan nya iaitu Hamidah [Mariani]
Rafidah [Dayang Sofia] dan Ghasidah [Sarimah]
untuk memikat ketiga-tiga anak lelaki Ismet Ulam
Raja.

Hamidah, Rafidah dan Ghasidah pun memulakan
rancangan mereka dalam memikat Abdul Wahab,

Abdul Wahib dan Abdul Wahub. Bagaimana pun hanya Abdul Wahub sahaja yang tidak terjerat dalam rancangan Sadiq Segaraga itu disebabkan dia menyedari bahawa Sadiq Segaraga mempunyai niat jahat untuk membolot semua harta mereka. Abdul Wahab dan Abdul Wahib segera bertemu dengan Sadiq Segaraga untuk menyatakan hasrat mereka untuk memperisterikan Hamidah dan Rafidah tanpa menyedari niat sebenar Sadiq Segaraga yang ingin membolot harta mereka berdua. Maka kemudian Sadiq Segaraga pun kemudian nya memberikan satu syarat kepada Abdul Wahab dan Abdul Wahib ia itu syarat yang dipikirkan tidak masuk akal dimana

mereka tidak boleh marah kerana jika berbuat demikian mereka akan dijual dan segala harta mereka akan dirampas. Oleh kerana kedua-dua nya tanpa berpikir panjang apa yang akan terjadi kedepan nya ingin meneruskan hasrat mereka untuk memperisteri Hamidah dan Rafidah walaupun mengetahui syarat yang dikenakan sangat berat. Sesudah selesai perkahwinan mereka berdua makan Sadiq Segaraga pun segera memainkan rancangan nya untuk membuat Abdul Wahab dan Abdul Wahib menjadi marah dan berpikiran mereka sudah pesti nya dijual dan harta mereka dirampas.

[Ulasan pemerasan tamak tidak munasabah]

Keritikan kepada golongan feudal seperti yang disebutkan sebelum ini, keritikan P Ramlee terhadap golongan feudal sebenarnya tidak pernah padam dan filem Tiga Abdul juga memaparkan keritikan terhadap golongan berkenaan. Ini dapat dikesan pada babak semasa Kassim Patalon menasihati Sadiq Segaraga untuk mengahwinkan anak-anak perempuan nya dengan anak-anak lelaki Ismet Ulam Raga bangi mendapatkan harta kekayaan Ismet Ulam Raja dan menguatkan semula perniagaan Sadiq Segaraga yang sedang berdepan dengan masalah. Watak seorang Kassim Patalon ini sering berada didalam lingkaran masyarakat hari ini

menawarkan nasehat yang menjerumuskan. Kassim

Patalon melakukan kerja nya sebagai penasihat

sebenarnya bukan untuk kepentingan sesiapa ,

akan tetapi hanya untuk mendapat untung dengan

hanya bermodalkan air liur dan pemikiran yang mengelirukan. Kassim Patalon digambarkan seorang banyak idea dan petah dalam setiap pengucapan

nya serta Berjaya memberikan keyakinan terhadap

idea-idea nya sehingga Sadiq Segaraga percaya

bulat-bulat setiap butir kata Kassim Patalon ini.

Watak Kassim Patalon divisualkan seperti Hitler,

memiliki misai kontot dan perilaku Kassim Patalon

juga sama seperti Hitler, seorang diktator yang

petah berbicara dan mempunyai kemampuan untuk
meyakinkan kelayakan nya sendiri.

Satu lagi watak yang menarik untuk kita perhatikan

ialah Husin Lempoyang, seorang lelaki yang

menganggap manusia ialah komoditi jualan dan
memiliki nilai yang lebih tinggi berbanding Unta.

Husin Lempoyang ujud dalam sisi gelap diri manusia

yang memandang semua perkara memiliki tanda

harga.

Manusia yang menghargai hidup dengan nilai wang

semata-mata. Husin Lempoyang merupakan

seorang saudagar Unta, tetapi dia juga ialah

lambing kapitalis yang berada disekeliling kita yang

menjadikan apa sahaja sebagai barang dagangan
asalkan dapat memberikan keuntungan.

Harga diri tidak ada kepada manusia yang bersifat
seperti Husin Lempoyang, kerana kesemua nya

memiliki taraf yang sama Pound Sterling. Pada
pandangan mata manusia seperti Husin Lempoyang,
sekeping kertas bertandakan nilai wang dan maruah

manusia memiliki jurang beza yang besar, kerana
wang mengatasi segala-galanya termasuk maruah.

Berbalik kepada Abdul Wahub yang merasakan

bahawa kini dia telah jatuh miskin disebabkan

tindakan abang-abang nya itu kemudian bermimpi

bertemu dengan ayah nya Ismet Ulam Raja yang

memberitahu bahawa ia perlu menyelamatkan
abang-abang nya itu dengan satu syarat dia harus
memperisterikan Ghasidah. Ayah nya sempat

berpesan agar bertemu seseorang yang bernama

Sulaiman Akhlaken. Maka keesokan nya Abdul
Wahub pun menemui Sulaiman Akhlaken [Ahmad
Sabri], iaitu Peguam yang menguruskan seluruh

harta keluarga Ismet Ulam Raja. Disitulah Abdul

Wahub mengetahui bahawa ayah nya telah

mewariskan dia sejumlah harta diluar Negara yang

lebih banyak berbanding harta yang diwarisi abang-

abang nya.

Berbekalkan harta-harta tersebut Abdul Wahub

kemudian menemui Sadiq Segaraga untuk menyatakan hasrat nya untuk memperisterikan Ghasidah namun sempat hasrat nya ditolak oleh Sadiq Segaraga kerana dia merasakan Abdul Wahub sudah jatuh miskin. Abdul Wahub menunjukan fail yang menjadi bukti kekayaan yang dimiliki nya kepada Sadiq Segaraga bahawa ianya lebih kaya dari Abdul Wahab dan Abdul Wahib. Sadiq Segaraga merasa terkejut dengan harta yang dimiliki oleh Abdul Wahub dengan begitu dia pun bersetuju untuk menerima pinangan Abdul Wahub, namun seperti abang-abang nya dia juga mengenakan syarat yang sama. Namun Abdul Wahub tersangat

bijak, dia pula yang mengenakan syarat kepada Sadiq Segaraga. Tuan penesihat mula menesihati Sadiq Segaraga agar bersetuju dengan syarat yang dikenakan kerana dia menganggap kalau abang-abang Abdul Wahub yang bijak pandai pun dapat dijual, apa lagi Abdul Wahub yang menurut nya Cuma seorang budak mentah dan tidak berpengalaman. Akhir nya Sadiq Segaraga bersetuju dengan syarat tersebut. Maka berlangsunglah perkahwinan antara Abdul Wahub dan Ghasidah.

[Ulasan Senjata Memakan Tuan adalah suatu perbuatan bertujuan untuk merosakan, mencelakan atau memusnahkan orang lain, akan tetapi niatnya itu pada akhir nya berbalik mencelakai dirinya sendiri. Inilah akibatnya Sadiq Segaraga membuat perjanjian konon niatnya akan mendapat harta

yang dihajati nya malah dirinya kecundang oleh Abdul Wahub]

Sadiq Segaraga pun memulakan rancangan busuk nya membuat Abdul Wahub marah rancangan yang sama seperti abang-abangnya. Namun gagal bila mana Abdul Wahub tidak seperti abang-abangnya yang pemaarah dantidak sebijak Abdul Wahub.

Setelah mengetahui rancangan Sadiq Segaraga itu, Abdul Wahub kemudian mulai membalas kembali rancangan tersebut dengan membuatkan ayah mertua nya itu pula menjadi marah. Rancangan demi rancangan yang dirancang oleh Sadiq Segaraga semua nya gagal dan tidak berhasil dan

pada akhir nya dia pula menjadi marah lalu dijual menjadi hamba bersama Hamidah Rafidah termasuk Tuan Penesihat Kassim Patalon.

Sesudah itu Abdul Wahub kemudian menjejaki keberadaan Abdul Wahab dan Abdul Wahib. Dan akhir nya dia menemui Husin Lempoyang [Nyong Ismail] seorang saudagar Unta dari Cairo, iaitu orang yang telah membeli kedua-dua abangnya.

Abdul Wahub membeli abang-abang nya itu daripada saudagar tersebut. Abdul Wahab dan Abdul Wahib terkejut apabila mengetahui harta yang dimiliki oleh Abdul Wahub lebih banyak daripada apa yang dimiliki oleh mereka berdua

sebelum ini. Abdul Wahub kembali Sadiq Segaraga Hamidah dan juga Rafidah dan membawa kembali kerumah nya. Abdul Wahub memohon maaf kepada ayah mertua nya kerana perbuatan nya itu hanyalah semata-mata untuk menyedarkan Sadiq Segaraga agar tidak terlalu tamak dan taksub dengan harta. Sesudah itu dengan kebijaksanaan Abdul Wahub, dia pun membahagikan segala harta-harta peninggalan ayah nya sama rata sesama adik beradik nya, termasuk juga ayah mertua nya sebagai menghormati kedudukannya sebagai ayah mertua mereka bertiga.

[Ulasan]

Filem Tiga Abdul ini banyak memberikan pengajaran dalam kehidupan kita hari ini dimana sikap tidak sepahaman dikalangan adik beradik mahu pun dalam keluarga disebabkan perebutan harta, sikap tamak dan merampas milik orang lain dengan cara yang tidak adil dan sepatutnya tidak dilakukan oleh orang-orang yang bijaksana. Selain itu filem Tiga Abdul ini juga menggambarkan satu nasehat yang berguna dan bermanfaat untuk diteladani seperti sikap Abdul Wahab meskipun ia nya bersikap kurang sopan terhadap abang-abangnya dan juga ayah mertua nya namun itu semata-mata sebagai pengajaran yang tidak bermaksud untuk

menghancurkan atau menjahanamkan mereka
dimana akhir nya Abdul Wahub dengan bijaksana
membahagikan harta-harta peninggalan ayah nya
kepada abang-abangnya termasuk ayah mertuanya
dengan saksama. Disnilah nilai-nilai budi pekerti
yang terdapat dalam diri Abdul Wahub meskipun
dirinya dianggap seorang budak yang masih mentah
dan tidak tahu apa-apa itulah kata pepatah melayu
menyatakan **menilai buku itu jangan dilihat dari
kulit nya tapi nilai lah dari isi kandungan nya.**

Film Tiga Abdul mengandungi banyak kata-kata
sindiran social, termasuk pepatah sebuah Negara
yang bernama Isketambola, makan dipinggiran
minum dicawan yang dikaitkan dengan watak Pak
Haji [Alahyarham S Shamsudin] yang menyindir
gaya hidup mewah dan membazir di Negara

tersebut. Selain itu terdapat juga sindiran terhadap perbuatan merokok melalui ucapan Pak Haji kepada yang merokok Pak Haji Nampak berkepul-kepul asapnya, kurangkan lah asap nya sedikit nanti orang sebelah tidak Nampak muka Pak Haji. Berikut adalah beberapa contoh kata-kata sindiran yang dikaitkan dalam film Tiga Abdul sering kali disampaikan melalui dialog dan watak-watak terutama watak Pak Haji, yang menggunakan pepatah dan kata-kata pedas untuk menyampaikan kritikan social terhadap masyarakat dan gaya hidup yang tidak bertanggungjawab.

Film Tiga Abdul yang sarat dengan kritikan social. Kritikan social yang berkait rapat dengan sikap, perangai dan mentality tipikal dalam masyarakat orang melayu khusus nya malah mempunyai perkaitan dalam pelbagai hal seperti kekeluargaan, pekerjaan, perniagaan, politik dan sebagainya. Walaupun film ini sudah lama namun segala isu yang dipaparkan dalam film ini masih relevan sehingga kini dan boleh dijadikan pengajaran.

Kritikan boleh saja kita huraikan satu persatu.

1. Terlalu kuat berkerja boleh menjejaskan kesihatan.
2. Bergaduh pada hal yang remeh.
3. Rasuah sudah menjadi amalan biasa tanpa sebarang rasa bersalah.
4. Perebutan harta dikalangan adik beradik dan keluarga sendiri.
5. Sikap menuding jari dan menyalahkan orang lain.
6. Sikap tidak adil dan tamak.
7. Orang bawahan tidak boleh bersuara walaupun terhadap perkara yang betul.
8. Membuat perjanjian berat sebelah dan licik.
9. Sanggup diperbodoh dan diperkotak-katik orang lain demi mencapai matalamat.
10. Apabila si penyamun jual si penyagak.
11. Harta dan maruah tergadai akibat kebodohan sendiri.
12. Memandang rendah orang yang tidak sama taraf dan kedudukan.
13. Terlalu memandang kepada status.
14. Sikap mementingkan diri sendiri.
15. Menegur melalui sindiran.

16. Betapa mudah orang kawalan.
17. Strategi yang salah boleh menjerat diri sendiri.
18. Salah pilih penasihat juga boleh memakan diri sendiri.
19. Orang bijak pandai juga boleh ditipu.
20. Adil dan saksama membentuk pendamaian.

Kenapa P Ramlee menjudulkan nama filem ini menjadi Tiga Abdul?...menjadikan ia nya satu persoalan sedangkan cerita ini didalam nya banyak peranan yang dilakonkan. Filem ini bergerak dengan slogan yang tertera diatas poster nya, cerita paling nakal dari segala kenakalan yang pernah dinakal-nakalkan. Filem ini sememang nya nakal dan seperti biasa tema anti feudal dibawakan oleh P Ramlee dengan baik sekali. Dari bermula nya beliau sebagai pengarah di Malay Film Production sehingga berakhir nya era beliau di Singapura, tema anti feudal cukup sehati dengan jiwa P Ramlee. Tidak kisah sama ada ia sebuah filem bergenre

cinta ,komedi atau tragedy, semangat da nilai-nilai anti-feudal itu sentiasa dibawa oelh P Ramlee.

Kita tidak tahu sisi P Ramlee secara peribadi dan pandangan politik beliau, namun apa yang kita tahu beliau ialah Seniman yang cukup dalam menyampaikan kritikan dan kepintaran menyampaikan kritikan itu dibuat secara halus-halusan,sehingga pada satu ketika kita tidak menyedari pun apa yang disampaikan beliau.

Kita Cuma tahu ketawa dalam menonton setiap komedi beliau dan sebenarnya kita sedang tertawakan diri kita sendiri kerana P Ramlee sedang menjenakakan kehidupan kita semua.

Begitu juga dengan filem Tiga Abdul, mengisahkan tentang kehidupan tiga orang adik beradik, Abdul Wahab, Abdul Wahib dan Abdul Wahub. Mereka bertiga ialah anak kepada seorang kaya yang dikenali dengan nama Ismet Ulam Raja [Ismet merupakan nama yang sinomin dengan masyarakat Turki] Ibu kepada tiga adik beradik ini Fatima Hatem Thai [Hatim Al-Thai ialah penyair Arab yang

terkenal dengan sifat pemurah beliau]. Ketiga-tiga mereka hidup dengan bapa mereka yang kaya, manakala ibu mereka digambarkan didalam file mini telah lama meninggal dunia.

File mini disampaikan diselang-seli dengan penyampaian naratif oleh seorang lelaki yang berpakaian seperti seorang Arab dan bernama S Shamsudin Al-Haj. P Ramlee gemar menggunakan Arab dan Inggeris sebagai subjek bahasa dan budaya didalam filem-filem komedi nya dan kemungkinan besar kerana Arab dan Inggeris ini memiliki pengaruh besar dalam masyarakat kita.

Sebahagian Arab dan sebahagian daripada Inggeris ada dalam jiwa kita masing-masing. Kisah Tiga Abdul ini digambarkan berlaku di sebuah Negeri yang dipanggil Isketambola dan berada berdekatan dengan Negeri Isketambatu.

Filem ini juga memiliki persamaan dengan Negara Turki jika kita teliti lebih lanjut, pemakaian tarbus oleh kaum lelaki di Isketambola, memiliki persamaan dengan Negara Turki sebelum era

perubahan yang dilaksanakan oleh Mustafa Kemal Ataturk. Semasa era Mustafa Kemal, beliau telah mengharamkan pemakaian tarbus dan ini adalah sebahagian daripada jalan perubahan yang dilaksanakan oleh Mustafa Kemal untuk menghapuskan nilai-nilai tradisi empayar Uthmaniah.

Eropah sering menganggap empayar Uthmaniah sebagai sick man merujuk kepada era di antara tahun 1828 sehingga tahun kejatuhan empayar ini pada 1923 kesan daripada masalah kewangan dan ekonomi yang dihadapi, disamping kekalahan-kekalahan yang dialami didalam perang sehingga empayar Uthmaniah hilang banyak wilayah dibawah naungan nya, inilah persamaan nya yang terdapat dalam filem Tiga Abdul. Keadaan ini juga sama dengan Negeri Isketambola yang merupakan sebuah Negeri yang memiliki warga yang sakit, warga yang tamak, warga yang hilang harta benda kerana kesilapan sendiri dan membiarkan diri dicatur oleh kuasa-kuasa yang lebih besar.

Kisah kehidupan inilah berlaku dalam Tiga Abdul, bagaimana Abdul Wahab dan Abdul Wahib boleh ditipu oleh Sadiq Segaraga. Bagaimana Sadiq Segaraga yang tamak dipermain-mainkan pula oleh Abdul Wahub. Filem ini tentang bagaimana manusia bijak boleh mengambil kesempatan terhadap manusia yang bodoh dan tamak. Kisah bagaimana manusia yang tidak memiliki perancangan dalam hidup akan menghadapi kemusnahan sekelip mata. Cerita bagaimana kekayaan yang begitu lama disimpan boleh menjadi milik orang lain jika tidak dijaga dengan baik dan amanah. Walaupun perkaitan nya tidaklah sepenuhnya seperti apa yang berlaku kepada empayar Uthmaniah, namun latar belakang yang ujud dalam Tiga Abdul membolehkan kita mengaitkan filem ini dengan apa yang terjadi kepada empayar berkenaan.

Apa yang menarik mengenai film Tiga Abdul ialah bicara visualnya yang memberikan gambaran mengenai apa yang sedang berlaku. Terdapat beberapa element-element yang dapat kita ceritakan satu persatu, pada babak awal nya memperkenalkan watak setiap watak utama

diletakkan didalam bingkai gambar. Ismet Ulam Raja, Fatima Hatem Thai dan anak-anak mereka. Apa yang menarik, semasa memperkenalkan Abdul Wahab dan Abdul Wahib, bingkai yang memuatkan foto mereka berdua kelihatan senget, condong dan serong. Ini sebenarnya memberikan petanda awal kepada kita bahawa Abdul Wahab dan Abdul Wahib kedua-duanya memiliki pandangan yang serong dan senget serta kedua-dua mereka adalah individu yang tidak jujur.

Kita lihat pula bingkai yang memuatkan foto Abdul Wahub, diletakan tegak, menunjukkan bahawa Abdul Wahub ialah seorang yang jujur dan lurus.

Seterusnya kita lihat semasa sambutan hari lahir ke 71 Ismet Ulam Raja, Abdul Wahab dan Abdul Wahib memakai suit hitam, manakala Abdul Wahub memakai suit putih. Ini juga membuktikan sikap baik dan sikap buruk.

Tiga Abdul membuktikan walaupun saudara sedarah, tidak akan ada yang manis jika sifat dengki dan tamak menguasai diri manusia.

Sekian saja penyampaian dari saya dalam
membentangkan kertas kerja yang serba ringkas
pada Seminar Antarabangsa Festival P Ramlee 2025
Pulau Pinang 19 September 2025 hingga 21
September 2025.

Wahbillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Wahrahmatullahi Wabarkatuh.